

8hb. Januari, 1976

SURAT PEKELILING PERKHIDMATAN BIL. 1 TAHUN 1976

Pindaan Gaji Pekerja-pekerja Yang Dilantik Sementara Dan Telah Memilih Memasuki Tanggagaji Baru Suffian.

Adalah saya diarah memaklumkan bahawa kerajaan telah memutuskan bahawa pekerja-pekerja sementara yang telah dilantik sebelum Suffian dan telah memilih tanggagaji baru Suffian apabila melangkah sekatan peperiksaan yang disyaratkan di dalam Skim Perkhidmatan selepas 1hb. Mac, 1971, boleh mendapat kemudahan yang sama dengan pekerja-pekerja tetap seperti yang terkandung di dalam [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 20 Tahun 1974](#).

2. Pekerja-pekerja yang dimaksudkan sebagai pekerja sementara itu mestilah dengan syarat:-

- (a) Mempunyai kelayakan penuh bagi jawatan yang diisi;
- (b) Telah dilantik oleh Ketua Jabatan dengan kuasa yang diturunkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam atas tanggagaji sebelum Suffian;
- (c) Telah memilih tanggagaji Suffian;
- (d) Telah diserapkan atau dilantik ke jawatan tetap.

3. Di bawah ini diperturunkan satu contoh yang menunjukkan bagaimana pengubahsuaian di bawah [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 20 Tahun 1974](#) itu dilaksanakan:-

	Tarikh	Gaji Pokok	Suffian	P.P. 20/74
Lantikan sementara	12.9.1968	\$140.00	-	-
	1.10.1969	\$148.00	-	-
	1.1.1970	\$148.00	\$220.00	
	1.7.1970	-	\$235.00	-
Diserapkan ke jawatan tetap	13.5.1970	-	\$235.00	-

	1.7.1971	-	\$250.00	-
Disahkan dalam jawatan	1.7.1972	-	\$275.00	\$325.00
	1.7.1973	-	-	\$350.00
	1.7.1974	-	-	\$375.00

dan
seterusnya.

4. Lain-lain syarat dan tarikh kuatkuasa perubahan ini ialah mulai 1hb. Mac, 1971 secara isyarat dan 1hb. Mei, 1974 secara sebenar iaitu seperti yang terkandung di dalam [Pekeliling Perkhidmatan Bil. 20 Tahun 1974](#).

5. Jika terdapat apa-apa keraguan dalam melaksanakan perbekalan ini, Ketua Pejabat adalah diarah merujuk perkara tersebut kepada Jabatan ini.

Saya yang menurut perintah,

(ABDUL AZIZ BIN MOHD. ALI)
Bahagian Gaji,
b.p. Ketua Pengarah Perkhidmatan
Malaysia.

Semua Ketua Setiausaha Kementerian.

Semua Ketua Jabatan.

Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan
Negeri.